

12 JUL 2003

Multaqa-Asing/I (Bergambar)

ULAMA PUJI MALAYSIA BERJAYA KENDALIKAN MULTAQA

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Ulama-ulama Islam menganggap Multaqa Ulama Sedunia yang berakhir di sini, hari ini sebagai berjaya dan memuji Malaysia kerana menerajui usaha menghimpunkan kira-kira 900 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir dari 34 negara termasuk Malaysia untuk membincangkan hal-ehwal Islam dan ummahnya.

Setiausaha Agung Kementerian Waqaf Jordan Dr Abdul Fatah Solah berkata multaqa itu telah menarik penyertaan besar golongan berkenaan demi membincangkan isu-isu yang berkaitan ummah.

"Saya berharap negara Islam lain mencontohi langkah Malaysia mengadakan multaqa ini bagi manfaat umat Islam sedunia," katanya kepada Bernama pada hari terakhir multaqa itu, di sini.

Multaqa tiga hari itu anjuran Jabatan Perdana Menteri.

Selepas mendengar ucapan perasmian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas, beliau yakin umat Islam dunia akan mempunyai masa depan cerah jika mereka mengetepikan perbezaan masing-masing dan berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan.

"Putrajaya adalah bukti kejayaan pembangunan Malaysia yang dibina dengan sebahagian besarnya menggunakan kepakarannya sendiri," katanya merujuk kepada pembangunan di sekitar kawasan ini bagi menampung keperluan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru.

Menurutnya selain berjaya memimpin Malaysia ke arah pemodenan, Dr Mahathir juga merupakan pemimpin Islam terkemuka yang lantang memperjuangkan nasib umat Islam dan negara membangun lain.

"Dr Mahathir begitu lantang dalam banyak isu, daripada menyokong perjuangan penduduk Palestin dan mengutuk serangan ke atas Iraq oleh kuasa-kuasa besar. Tidak ramai pemimpin negara-negara membangun berani berbuat demikian," katanya.

Pengerusi Lembaga Imam Australia Abdul Quddoos Al-Azhari berkata sebagai negara yang sentiasa prihatin dengan nasib umat Islam, Malaysia sesuai menganjurkan multaqa ulama itu.

"Di mana-mana pun, umat Islam dilihat sebagai pengganas walaupun penduduk Palestin dan Iraq sedang berjuang menentang pencerobohan Amerika Syarikat...siapa yang akan lantang bersuara mengenai perkara ini, kecuali Malaysia," katanya.

Menurutnya ramai rakyat Australia terutamanya umat Islam menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung walaupun beliau berbeza pendapat dengan pemimpin Australia.

-- BERNAMA

RT RZ AZZ NAK